

# Ikan tengas liar jadi tarikan

---

**KAMPAR:** Chalet Atok Dolah terletak di Kampung Batu Berangkai di sini, mempunyai tarikan tersendiri iaitu bukan sahaja berdekatan air terjun didakwa setinggi lapan tingkat, malah pengunjung boleh memberi makan ikan tengas liar di sungai berhampiran.

Menurut pemiliknya, Nur Yasmin Mhd Nordin, 39, ratusan ikan tengas liar merupakan antara tarikan utama chalet yang mula dibuka pada 2015.

“Selain boleh mandi-manda di kawasan Air Terjun Batu Berangkai, pengunjung juga dapat memberi makan ikan tengas liar pelbagai saiz yang jinak di sungai.

“Pengunjung boleh menangkap, bermain dan melepaskan semula ikan ke sungai. Mereka boleh membeli makanan ikan yang disediakan chalet,” katanya di sini semalam.

Kapasiti chalet boleh memenuhi 36 hingga 60 orang pengunjung pada satu masa.

Katanya, pengunjung seperti berada di spa ikan di pusat beli-belah ketika meranduk air sungai yang sejuk sambil ikan tengas menggigit manja kaki.

“Pengunjung juga dapat melihat keindahan alam semula jadi yang mendamaikan sambil menangkap gambar dan video sebagai pelengkap kenangan indah,” katanya.